

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 [ISNIN]

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan penguatkuasaan undang-undang, dakwah dan pendidikan bagi membendung aktiviti jenayah seksual dan LGBT yang berleluasa dalam masyarakat.

JAWAPAN

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan memandang serius mengenai aktiviti gejala jenayah seksual termasuk LGBT yang dilihat berleluasa dalam masyarakat hari ini.
2. Kerajaan dari masa ke semasa sentiasa berusaha melaksanakan yang terbaik untuk membantu menangani isu-isu sosial yang berlaku. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 23

i) Enakmen Undang-Undang Jenayah Syariah

Kerajaan telah memperuntukkan perundangan dan hukuman bagi kesalahan jenayah sosial seperti perzinaan, sumbang mahram, khalwat, musahaqah, orang lelaki berlagak seperti perempuan yang terkandung dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri.

ii) Pelaksanaan Program Pendidikan dan Advokasi

Kerajaan melalui JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri serta agensi juga menganjurkan program pendidikan dan advokasi kepada masyarakat dari masa ke semasa seperti Webinar Isu Sosial Dalam Kalangan Remaja, Webinar Cakna Pergaulan Anda 3.0: "Isteri di Rumah Kekasih di Pejabat" anjuran JAKIM adalah antara usaha untuk memberi kefahaman berkaitan Undang-Undang Jenayah Syariah.

iii) Pembangunan Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI)

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama daripada semua agensi dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri telah membangunkan Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI) yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-66 pada 13 Jun 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

PTSI merupakan inisiatif Kerajaan bagi menangani gejala sosial dalam kalangan masyarakat terutamanya permasalahan sosial yang dihadapi masyarakat Islam di Malaysia yang semakin meruncing, dengan pelbagai isu seperti penagihan dadah, remaja hamil (tidak berkahwin), pembuangan bayi, perceraian, gelandangan, penularan virus HIV / AIDS, penagihan arak, seks bebas, sumbang mahram, jenayah juvana, pengamalan gaya hidup songsang dan sebagainya. Pelaksanaan PTSI dilihat dapat membantu usaha pencegahan dan pemulihan secara lebih sepadu, terancang dan tersusun.

iv) Penubuhan Pusat Khidmat Sosial

Kerajaan juga telah mewujudkan Pusat Khidmat Keluarga dan Sosial Komuniti (PKKSK) termasuk *KSKCareCentre* yang diletakkan di bawah JAKIM. *KSKCareCentre* merupakan pusat khidmat kaunseling syarie, terapi psikospiritual Islam dan Ilaj Syarie yang terletak di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin yang dibuka kepada semua masyarakat awam dan memberikan perkhidmatan secara percuma.

v) Pembinaan Pusat Perlindungan

Pewujudan pusat-pusat perlindungan yang dibangunkan oleh Majlis Agama Islam Negeri seperti Darul Islah atau Dar Assaadah yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bertujuan memberi perlindungan kepada wanita-wanita yang telah terjebak dengan masalah gejala sosial. Semasa berada di rumah perlindungan ini wanita-wanita atau anak-anak remaja ini diberi bimbingan kerohanian dan kemahiran supaya mereka kembali ke pangkal jalan dan mampu berdikari bila keluar dan berhadapan dengan masyarakat kelak.

Sekian, terima kasih.